

Headline **FRIM Tapak Warisan UNESCO 2015**
Date **19 Nov 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **410 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,565**
PRValue **10,694**



FRIM Tapak Warisan UNESCO 2015

Oleh **FARHANA HANIM**
MOHD. MYDIN
farhana.mydin@kosmo.com.my

KEPONG – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) meletakkan sasaran untuk diiktiraf sebagai Tapak Warisan Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) selewat-lewatnya menjelang tahun 2015.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, pihaknya yakin pengiktirafan itu berjaya dicapai kerana FRIM sudah diwartakan sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 oleh Jabatan Warisan

Negara pada tahun 2009.

“Usaha untuk mendapatkan status FRIM sebagai tapak warisan telah dimulakan pada tahun 2008 dan akhirnya telah diperolehi pada 10 Februari 2009 dan kini kami menyasarkan agar FRIM diiktiraf sebagai Tapak Warisan UNESCO menjelang tahun 2015 pula,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Pengisytiharan FRIM sebagai Tapak Warisan Semula Jadi Negara oleh Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi di sini semalam.

Turut hadir ialah isterinya, Tun Jeanne Abdullah dan Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia, Nancy Shukri.

Pada majlis tersebut turut diadakan penyampaian sijil kepada Sahabat FRIM dan pelancaran buku bertajuk *FRIM Tapak Warisan Semula Jadi* yang diterbitkan pada 12 November lalu.

FRIM yang merupakan sebuah Institusi Penyelidikan Perhutanan dibina pada tahun 1926 bagi memartabatkan bidang penyelidikan hutan tropika.

Kawasan FRIM yang merupakan hutan buatan manusia tertua dan terbesar di dunia seluas 485.2 hektar itu sebenarnya merupakan bekas lombong dan kemudiannya

menjadi tempat penanam sayur menggemburkan tanah untuk penanaman.

Menurut Abd. Latif, pengiktirafan FRIM sebagai tapak warisan merupakan satu pencapaian yang akan menjurus kepada penyelidikan dan pembangunan perhutanan yang lebih berorientasikan kesejahteraan masyarakat.

Dalam pada itu, Abdullah mencadangkan supaya FRIM membuka cawangannya di setiap negeri sebagai satu khazanah serta warisan yang perlu disuburkan.

“Sekiranya ada cawangan FRIM di setiap negeri, kita boleh memulihara alam semula jadi kerana mungkin ada pihak yang lupa mengenai tanggungjawab ini,” katanya.

Info FRIM

- Ditubuhkan pada tahun 1926
- Hutan buatan terbesar di dunia
- 485.2 hektar
- Kira-kira 15,000 spesies tumbuhan seperti karas, gaharu, jati,
- Terdapat kira-kira 150 spesies burung
- Menyediakan pelbagai program mengenali hutan seperti *jungle trekking* dan *mountain biking*
- Menyediakan aktiviti pembelajaran berkaitan hutan hujan tropika

Sumber: FRIM



PINTU masuk FRIM di Kepong, Kuala Lumpur.

Headline **FRIM Tapak Warisan UNESCO 2015**
Date **19 Nov 2010**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Negara**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **410 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,565**
PRValue **10,694**



KAKITANGAN FRIM, Hazli Abdul Rahim (kiri) dan Azmarizawati Zainal Azhar menunjukkan buku *FRIM Tapak Warisan Semula Jadi* di Kepong, Kuala Lumpur semalam.